

17/09/2003

Kempen bantu pesakit HIV/Aids melalui SMS

KUALA LUMPUR: Orang ramai kini boleh membantu Orang Yang Menghidap HIV/Aids (PLWHA) mendapatkan rawatan dengan hanya menghantar mesej pesanan ringkas (SMS).

Di bawah program itu, pengguna Maxis dan DiGi boleh membuat sumbangan sebanyak RM1 kepada PLWHA melalui penghantaran SMS ke nombor 32121 dengan menaip perkataan `HOPE.'.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata sebanyak RM300,000 disasarkan dikutip di bawah program itu.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (YAM), berkata bilangan kes HIV positif di negara ini semakin meningkat dan lebih ramai pesakit memerlukan bantuan berbentuk kewangan untuk menampung kos rawatan yang tinggi.

Katanya, walaupun kerajaan memberi subsidi satu pertiga daripada kos rawatan, ramai yang masih tidak mampu menanggung kos tambahan bulanan berjumlah RM450.

"Pendapatan penghidap HIV/Aids tidak mencukupi untuk menanggung kos rawatan mereka di samping terpaksa menyara keluarga. Ada juga yang tidak mempunyai pekerjaan kerana daya ketahanan badan mereka sangat rendah untuk bekerja," katanya semasa melancarkan kempen kutipan dana bertemakan `SMS-Membuat Perubahan' di Hotel Mutiara, di sini semalam.

Kempen selama tiga bulan mulai September itu dianjurkan bersama oleh MAM, YAM, Merck Sharp & Dohme (MSD) dan Articulate New Media Sdn Bhd.